

# UMS jadikan penyelidikan sebagai alat perbaiki kualiti hidup masyarakat

UB 03.10.2024 P.06

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) terus berusaha menjadikan penyelidikan serta inovasi sebagai alat memperbaiki kualiti hidup masyarakat setempat.

Naib Canselor UMS, Profesor Datuk Dr. Kasim Hj. Mansor, berkata penyelidikan merupakan salah satu usaha secara langsung yang dapat memberikan impak yang positif dan nyata dalam kehidupan.

Katanya, penyelidikan bertujuan mengenal pasti keperluan dan cabaran yang dihadapi di samping mencari solusi yang inovatif dan praktikal.

"Hari ini kita dapat saksikan bagaimana penyelidikan serta inovasi dalam bidang pertanian, kesihatan, pendidikan dan sumber asli boleh membantu meningkatkan kesejahteraan penduduk setempat.

"Contohnya, penyelidikan dalam teknik pertanian moden membantu meningkatkan hasil tanaman dan mengurangkan penggunaan bahan kimia yang berbahaya," katanya.

Beliau berkata demikian pada Program Khidmat Masyarakat Berteraskan Penyelidikan Tahun 2024 yang dirasmikan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali, baru-baru ini.

Kasim berkata UMS sentiasa komited untuk memastikan hasil penyelidikan tidak terperuk dalam laporan akademik sahaja bahkan manfaatnya dikongsi kepada masyarakat.

"Di sinilah pentingnya peranan penyelidikan dan inovasi kerana dengan menarapkan pendekatan penyelidikan yang berfokus pada cabaran ini, kita dapat mencari solusi mengurangkan kos sara hidup dan meningkatkan daya saing perdagangan dalam negeri.

"Misalnya dalam sektor pertanian, penyelidikan kita boleh memfokuskan kepada pembangunan teknik pertanian yang lebih efisien dan mampam."

"Ini termasuk penggunaan teknologi baru yang boleh meningkatkan hasil tanaman dan mengurangkan kos operasi, seperti penggunaan baja dan racun yang lebih efisien, serta sistem pengairan yang lebih canggih," katanya.

Tambah beliau cara tersebut dapat mengurangkan kos pengeluaran serta membantu menurunkan harga barang keperluan dan meningkatkan pendapatan para petani.

Program Khidmat Masyarakat Berteraskan Penyelidikan itu dianjurkan sempena



MAKLUMAT: Armizan (dua dari kiri) mendengar penerangan dari wakil Akademi Seni dan Teknologi Kreatif (ASTiF) mengenai inovasi 'VIR Seni'.



TERIMA KASIH: Kasim (tiga dari kanan) menyampaikan cenderamata kepada Armizan semasa Program Khidmat Masyarakat Berteraskan Penyelidikan tahun 2024.



TINJAU: Armizan melihat pameran 'Batik Borneo' sempena program itu.

Simposium Penyelidikan UMS-RES 2 Tahun 2024 yang turut membentangkan sebanyak 57 kertas penyelidikan.

Simposium Penyelidikan UMS-RES 2 Tahun 2024 merupakan kesinambungan dari pengajuran tahun lalu yang berlangsung di Kudat

sebagai usaha berterusan. Pusat Pengurusan Penyelidikan UMS mengadakan Pemantauan Geran Dalaman bagi geran UMS Great.